

**‘Trump akan bersihkan negara ini, bermula dengan kamu umat Islam’**  
**Free Malaysia Today**  
**Nov 28, 2016**

**Surat yang ditujukan kepada 'anak syaitan' itu antara 100 insiden anti-Islam sejak kemenangan Donald Trump.**

LOS ANGELES: Tiga masjid di California menerima surat mengecam umat Islam sebagai “keji dan kotor” sambil memuji bakal presiden Amerika Syarikat Donald Trump kerana mahu “membersihkan” negara itu, menurut sebuah pertubuhan umat Islam AS.

Surat ringkas yang ditujukan kepada “anak syaitan” itu turut diterima masjid lain di San Jose di California, serta di Long Beach dan Claremont di Los Angeles, menurut Majlis Hubungan Amerika-Islam (CAIR).

Surat itu mengutuk umat Islam sebagai “manusia keji dan kotor” dan menuntut mereka “berkemas dan keluar bandar”.

Ia kemudian memuji Trump kerana mahu “membersihkan Amerika dan membuatnya bersinar lagi”.

“Dan beliau akan bermula dengan kamu, umat Islam.”

Susulan itu, CAIR meminta polis mengetatkan kawalan di beberapa buah masjid.

“Kempen kebencian yang ditujukan ke atas rumah ibadat California mesti disiasat sebagai kelakuan menyerang agama, dan pemimpin perlu bersuara menentang ketaksuban anti-Islam yang menyebabkan insiden sebegini,” kata jurucakap CAIR, Hussam Ayloush.

Lebih 100 insiden anti-Islam dilaporkan sejak kemenangan Trump, yang antara berkempen mahu mengusir penduduk Islam di AS.

Pertubuhan hak asasi Southern Poverty Law Center (SPLC) turut melaporkan sebanyak 700 serangan kebencian ke atas kumpulan minoriti dikesan sejak pilihan raya 8 Nov lalu.

**Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.**

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/28/trump-akan-bersihkan-negara-ini-bermula-dengan-kamu-umat-islam/>